

# CARBOSOL PLUS SYRUP

Carbocysteine 100mg/5ml and promethazine hydrochloride 2.5mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Carbosol plus*
2. Bagaimana *Carbosol plus* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Carbosol plus*
4. Cara menggunakan *Carbosol plus*
5. Semasa menggunakan *Carbosol plus*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Carbosol plus*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Carbosol plus*

Ia digunakan untuk tindak balas alahan dalam saluran pernafasan dengan kehadiran mukus yang berlebihan atau likat.

## Bagaimana *Carbosol plus* berfungsi

*Promethazine*, antihistamina dengan kesan sedatif melalui tindakannya pada otak dan *carbocysteine*, *mucoregulator*, mengurangkan kelikatan mukus dan melindungi saluran pernafasan daripada jangkitan atau iritasi.

## Sebelum mengambil *Carbosol plus*

### - Bila tidak boleh mengambil

- Ubat ini tidak patut digunakan dalam keadaan seperti dibawah:
- jika anda mempunyai alahan terhadap *promethazine*, *carbocysteine* atau bahan-bahan lain dalam *Carbosol plus*.
  - jika anda hipersensitif terhadap antihistamina.
  - Jika anda pernah mengalami agranulositosis (paras sel darah putih yang rendah)

### Mengandung dan menyusukan anak

*Promethazine* biasanya tidak dicadangkan untuk digunakan pada peringkat akhir kehamilan. Keselamatan penggunaan *Carbosol plus* semasa kehamilan belum dipastikan lagi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil *Carbosol plus*

- Carbosol plus* harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai keadaan seperti berikut:
- kemerosotan fungsi buah pinggang atau hati
  - glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
  - stenosing ulser peptik (hakisan pada dinding perut)
  - obstruksi pyloroduodenal (halangan aliran keluar gastrik)
  - halangan pundi kencing disebabkan

pembesaran kelenjar prostat dan penyempitan leher pundi kencing Tidak boleh digunakan untuk kanak-kanak kurang dari 2 tahun. Digunakan dengan teliti atas nasihat doktor dan ahli farmasi untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan *Carbosol plus* mungkin berinteraksi antara satu sama lain.

- Alkohol dan ubat sistem saraf pusat – penggunaan bersama meningkatkan kesan depresi.
- Agen antitiroid - penggunaan bersama meningkatkan risiko agranulositosis.
- Agen *epinephrine* - kesan *alpha adrenergic* mungkin dihalang.
- Antikolinergik - kesan antikolinergik (seperti sembelit) mungkin meningkat dengan penggunaan ubat serentak.
- Ubat yang memberi kesan ekstrapiramidal – penggunaan ubat serentak mungkin meningkatkan keterukan dan frekuensi kesan ekstrapiramidal (seperti tremor).
- *Levodopa* - kesan antiparkinson direncat.
- *Monoamine oxidase inhibitors* untuk kemurungan – risiko tekanan darah rendah meningkat.

## Cara menggunakan *Carbosol plus*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 sudu besar tiga kali sehari.  
Kanak-kanak 1-5 tahun: 1 sudu teh/5kg berat badan setiap hari.

Kanak-kanak 6-12 tahun: 1 - 2 sudu teh tiga kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan

jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos terlepas sebaik sahaja teringat. Sekiranya hampir masa dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tanda-tanda terlebih dos termasuk:

- ketidakselesaan gastro-usus.
  - loya dan muntah.
- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Carbosol plus*

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Beritahu semua doktor, doctor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Carbosol plus*.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi *Carbosol plus* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

*Carbosol plus* tidak seharusnya diguna, kecuali dengan arahan doktor. *Promethazine* mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan pening dan berbahaya jika anda memandu atau mengendalikan mesin. Risiko bahaya meningkat jika ubat ini diambil bersama alkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, *Carbosol plus* boleh menyebabkan kesan sampingan. Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan yang berikut dan ianya membimbangkan anda:

- Mulut, tekak dan hidung kering
- Mengantuk dan pening
- Sakit abdomen, loya, muntah dan cirit-birit

# CARBOSOL PLUS SYRUP

Carbocysteine 100mg/5ml and promethazine hydrochloride 2.5mg/5ml

---

- Ruam kulit, sakit kepala, ketidakselesaan perut, pendarahan gastrousus

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

(Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### *Carbosol plus*

#### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Tutup bekas dengan ketat. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda cara betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Sirap hijau kebiruan berperisa vanila.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *carbocysteine* dan *promethazine hydrochloride*.
- Bahan tidak aktif: *liquid glucose*, *sodium bicarbonate*, pewarna biru, perisa vanila, *methyl parabens*, air dan gula.

#### - Nombor MAL

MAL09020959A

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/04/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)030415/00055